

WALAUPUN Majlis Fatwa Kebangsaan sudah memutuskan penggunaan suntikan kosmetik botox untuk tujuan kecantikan adalah haram, masih ramai umat Islam khususnya wanita membelakangkan fatwa itu kerana taksub dengan keinginan untuk kelihatan cantik dan muda. Mufti Selangor, Datuk Seri Mohd Tamyas Abdul Wahab sekali lagi menasihatkan mereka yang sudah menggunakannya supaya segera bertaubat dan mengingatkan orang lain tidak membuat suntikan itu kerana ia bukan saja bertentangan dengan Islam, tetapi boleh menggadai nyawa. Malangnya masih ramai yang berdegil, termasuk wanita berpurdah menggunakan suntikan itu yang dikatakan mampu mengembalikan keremajaan kulit walaupun sesetengahnya menyedari bahan suntikan itu mengandungi unsur yang meragukan dari segi kesuciannya dan syarak.

Bagi kebanyakan wanita, suntikan kosmetik botox menjadi cara paling mudah untuk mengekalkan kejelitaan kerana prosedur melakukannya hanya mengambil masa beberapa minit. Mereka lupa penggunaan suntikan botox untuk tujuan kecantikan akan memberi kesan jangka panjang jika diambil secara berterusan, apatah lagi pemakaiannya hanya mampu bertahan selama tiga hingga enam bulan. Selain itu, kebimbangan pakar perubatan terhadap suntikan kosmetik botox juga mengambil kira pelbagai masalah membabitkan bahan yang digunakan, termasuk toksin atau racun. Botox adalah larutan protein Botulinum Toxin Type A yang dituliskan dan dihasilkan daripada Clostridium botulinum, sejenis bakteria yang menyebabkan botulisme atau keracunan makanan serius. Toksin ini dikatakan mempengaruhi sistem saraf pusat dan dalam beberapa kes, ada yang menyebabkan kematian. Asalnya suntikan botox digunakan untuk merawat penyakit seperti palsy serebrum, masalah peluh berlebihan, migrain, pengecutan otot dan sakit belakang, sebelum Pentadbiran Makanan dan Ubatan Amerika Syarikat (FDA) meluluskannya pada 2002 untuk tujuan kecantikan. Ini berikutan kajian pelbagai pihak termasuk Allergen Inc, syarikat pertama menghasilkan larutan botox, menunjukkan penggunaannya untuk menghilangkan kedutan adalah selamat.

Suntikan botox untuk tujuan kecantikan sudah mula diguna sejak 1980-an lagi, terutama di kalangan selebriti dan golongan berada di Barat. Walaupun pada mulanya penggunaan lebih terhad kepada menghilangkan kedutan terutama pada bahagian dahi, kini suntikan kosmetik botox turut digunakan pada bahagian tepi mata dan mulut. Begitu pun, mengambil kira pengharamannya dan kebarangkalian kesan sampingan kepada kesihatan, wanita perlu berfikir panjang sebelum menggunakannya. Jangan hanya kerana terlalu taksub untuk kelihatan cantik dan muda sanggup mengabaikan larangan berkenaan. Adalah diharap Kementerian Kesihatan meningkatkan program pendidikan dan kesedaran mengenai kesan buruk suntikan botox. Selain itu, setiap bahan beracun perlu disertakan maklumat lengkap dan telus, termasuk dalam bahasa Malaysia. Maklumat seperti itu bukan eksklusif untuk pengendali dan pelanggan rawatan botox, malah untuk orang ramai secara keseluruhannya. Kecantikan paras rupa adalah bersifat sementara dan kekedutan pada wajah adalah lumrah apabila usia meningkat dan wanita harus menerima hakikat ini. Apa yang lebih penting, mereka harus sedar kecantikan sebenar adalah daripada dalam diri yang kemudian diterjemahkan melalui tingkat lalu dan adab sopan.